

# DBKL: ALIH DALAM 14 HARI

*Pemilik gagal pindah kendaraan tersadai selepas terima notis berdepan tindakan tunda, lupus*

(19 JUL 2022) metro, pio



**Oleh Mahaizura  
Abd Malik**  
mahaizura@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

**M**ana-mana pemilik yang masih gagal mengalihkan kendaraan tersadai di kawasan Proyek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di ibu negara dalam tempoh 14 hari, berdepan dikenakan tindakan penundaan dan pelupusan.

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Osman Ismail ber-

## MASALAH PARKIR DI PPR, PA BERTAMBAH PARAH

**Penduduk minta DBKL segera alihkan kenderaan tersadai**



LAPORAN Harian Metro, semalam.



JKP hanya akan melakukan tindakan tunda terhadap pemilik kenderaan yang masih ingkar selepas Notis Penguatkuasaan dikeluarkan kepada pemilik supaya kenderaan itu dialihkan dalam tempoh tiga, tujuh atau 14 hari daripada tarikh notis dikeluarkan”

## Osman

kata, tindakan berkenaan diambil mengikut peruntukan Seksyen 46(1)(e) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Katanya, DBKL melalui Jabatan Pembangunan Ko-

muniti dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB) sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Penguatkuasaan (JPK) bagi menangani aduan yang diterima berkaitan sengketaan usang yang terdapat di kawasan kediaman berkenaan.

“JKKB bertanggungjawab menyediakan senarai kenderaan usang yang tersadai di lot tempat letak kereta di PPR atau PA DBKL dan dipanjangkan kepada JPK untuk tindakan selanjutnya.

"JPK hanya akan melakukan tindakan tunda terhadap pemilik kendaraan yang masih ingkar selepas Notis Penguatkuasaan dikeluarkan kepada pemilik supaya kendaraan itu dialihkan dalam tempoh tiga, tujuh atau 14 hari daripada tarikh notis dikeluarkan," katanya kepada Harian Metro.

Osman berkata, kenderaan yang ditunda akan dibawa ke Depoh Simpanan Kenderaan DBKL di Taman Connaught dan Notis Pemakluman dikeluarkan kepada pemilik mengenai kenderaan miliknya ditunda oleh DBKL.

“Sekiranya kenderaan berkenaan masih tidak dituntut oleh pemilik selepas sahaja tamat tempoh Notis Pemakluman, kenderaan itu akan disyorkan untuk proses pelupusan,” katanya.

Menurutnya, sepanjang 2021, sebanyak 1,346 kendaraan buruk atau tersadai di sekitar Kuala Lumpur sudah ditunda, manakala 129 buah bagi Januari hingga April lalu.

Sebarang masalah di kawasan anda boleh dikongsikan ke e-mel Suara Anda, Kami Dengar di [am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my).